

RUJUKAN

Pamphlet Home Enteral Tube Feeding, MOH
Adapted from Tube Feeding At Home, Queensland Government, Queensland Health, Revised
2005 (Review 2011)
Adapted from Tube feeding instructions for Home, Cleveland Clinic, Center For Human
Nutrition, M17/Digestive Disease Institute



Untuk sebarang pertanyaan,
sila hubungi Pegawai Dietetik, Institut Kanser Negara di:

Jabatan Dietetik dan Sajian

Institut Kanser Negara,
No. 4, Jalan P7, Presint 7, 62250 Putrajaya, Malaysia
Tel: 03 88925555/99 samb. 3405/3406/3407/3408
Fax: 03 88925611




Terbitan Oleh :
Jabatan Dietetik dan Sajian &
Unit Pendidikan Kesihatan
Institut Kanser Negara
1000/2015

www.myhealth.gov.my/www.infosihat.gov.my



Sihat Sepanjang Hayat

PANDUAN PEMAKANAN MELALUI TIUB DI RUMAH UNTUK PESAKIT KANSER



JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN
INSTITUT KANSER NEGARA



DIARI HARIAN

TARIKH					
BERAT (KG)					
JUMLAH FORMULA ENTERAL YANG DIAMBIL (SC)					
JUMLAH AIR YANG DIAMBIL (ML)					
CECAIR LAIN YANG DIAMBIL MELALUI TIUB					
JUMLAH BUANG AIR BESAR & TEKSTUR NAJIS (KERAS, LEMBUT ATAU BERAIR)					
LAIN-LAIN HAL					

PENGENALAN

- ▶ Sekiranya anda tidak lagi dapat mengambil makanan yang mencukupi melalui mulut, maka sokongan pemakanan melalui tiub akan diperkenalkan bagi memastikan keperluan tenaga harian anda dapat dipenuhi dan memperbaiki kualiti hidup anda. Pemberian nutrien melalui tiub ini diberi dengan menggunakan minuman formula khas yang mengandungi air, karbohidrat, protein, lemak, vitamin dan mineral yang diperlukan oleh tubuh. Kadangkala, sokongan pemakanan melalui tiub ini perlu diteruskan sehingga anda pulang ke rumah kerana ketidakupayaan anda untuk mengambil diet biasa dengan baik akibat masalah menelan dan mengunyah makanan.

BERAPA BANYAK PRODUK ENTERAL YANG DIPERLUKAN?

- ▶ Pegawai Dietetik akan menasihati anda berkenaan keperluan nutrien anda. Anda akan diberikan preskripsi formula khas bagi membekalkan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan anda. Jangan kurangkan jumlah preskripsi formula khas yang disarankan dan jangan gantikan formula anda dengan cecair minuman yang lain.

Terdapat pelbagai jenis minuman formula khas yang dihasilkan khusus mengikut keperluan pesakit yang boleh diberi melalui tiub dan ia juga dikenali sebagai produk enteral. Terdapat pelbagai jenama dan jenis produk enteral untuk fungsi-fungsi yang berbeza digunakan, namun semua produk ini dibahagikan kepada 2 kategori utama, iaitu:

Kategori Produk Enteral	Contoh	Masa penggunaan	Masa penyimpanan
Ready To Use (RTU)		8 - 12 jam (selepas dibuka)	Peti sejuk: 48 jam Suhu bilik: 8 jam
Serbuk		4 - 5 jam (selepas dibuka)	Peti sejuk: 24 jam Suhu bilik: 4-5 jam

CONTOH PILIHAN PRODUK ENTERAL YANG ADA DI PASARAN

JENIS	JENAMA	
FORMULA PIAWAI	ENSURE	
	NUTREN OPTIMUM	
KEPADATAN NUTREIN YANG TINGGI	ENERCAL PLUS	
SESUAI UNTUK PENYAKIT KENCING MANIS	GLUCERNA TC	
	NUTREN DIABETIC	
FORMULA PIAWAI UNTUK PESAKIT KANSER	PROSURE	
TAMBAHAN SUMBER PROTEIN	MYOTEIN	
TAMBAHAN SUMBER KALORI	CARBORIE	
	POLYCOSE	

PRESKRIPSI PEMAKANAN MELALUI TIUB

Masa	Produk Enteral	Preskripsi	Tenaga (Kcal)	Protein (Gram)
Nota:				
Dilihat oleh:				

► Segera rujuk pesakit ke hospital yang terdekat dengan kediaman anda sekiranya pesakit mengalami:

- 1 Cirit-birit melebihi 6 kali sehari untuk lebih dari 2-3 hari
- 2 Sembelit melebihi 3-4 hari
- 3 Loya atau rasa ketidakselesaan perut melebihi 24 jam
- 4 Muntah
- 5 Tanda-tanda dehidrasi seperti dahaga, mulut kering, lemah dan demam
- 6 Tiub tersumbat
- 7 *Gastric aspirate* berwarna coklat kehitaman
- 8 *Gastric aspirate* >200ml untuk kali ketiga



NOTA: Sebarang perubahan preskripsi pemakanan melalui tiub perlu dibincang terlebih dahulu dengan Pegawai Dietetik.

PANDUAN BANCUIHAN PIAWAI PRODUK ENTERAL

NAMA PRODUK	CARA BANCUIHAN (Isipadu bancuhan : 250ml)	TENAGA (KCAL)	PROTEIN (GRAM)
ENSURE	6 PENCECOK + 190ML AIR*	228	8.4
NUTREN OPTIMUM	7 PENCECOK + 210ML AIR*	252	9.8
ENERCAL PLUS	4 PENCECOK + 180ML AIR*	240.8	9.6
PROSURE	9 PENCECOK + 190ML AIR*	306	16.2
GLUCERNA TC	5 PENCECOK + 200ML AIR*	225	10
NUTREN DIABETIC	7 PENCECOK + 210ML AIR*	252	11.2

* Gunakan air masak yang berada pada suhu bilik atau suam
 NOTA: Ketepatan pemberian biasanya bergantung kepada keperluan individu berdasarkan keperluan tenaga dan protein harian.


LANGKAH-LANGKAH PIAWAI DALAM PEMBERIAN MAKANAN MELALUI TIUB

- 1 Basuh tangan sehingga bersih.
- 2 Periksa *gastric aspirate** setiap kali sebelum pemberian formula enteral.
 - a) Jika <200ml, teruskan pemberian produk enteral.
 - b) Jika >200ml untuk kali pertama, rehatkan perut selama 1-2 jam dan kemudian teruskan pemberian produk enteral.
 - c) Jika >200ml secara konsisten (melebihi 2 kali), sila kurangkan jumlah isipadu bancuhan produk enteral berbanding isipadu yang sebelumnya.
- 3 Pastikan kepala pesakit diletakkan pada kedudukan condong sebanyak 30-45° semasa pemberian produk enteral dan dikekalkan selama 30-60 minit selepas pemberian produk.
- 4 Alirkan 20ml - 30ml air ke dalam tiub enteral untuk mengelakkan tiub dari tersumbat pada:
 - a) Sebelum dan selepas pemberian produk enteral.
 - b) Sebelum dan selepas pemberian ubat-ubatan.
- 5 Pastikan pemberian produk enteral melalui tiub ini mengikut preskripsi oleh Pegawai Dietetik.

MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL DALAM PEMBERIAN PRODUK ENTERAL MELALUI TIUB

MASALAH	PUNCA	CARA PENYELESAIAN
'Gastric Asphate' yang tinggi	Posisi pemberian produk enteral yang tidak betul.	Betulkan posisi pemberian produk enteral kepada ketinggian sekurang-kurangnya 30° - 45° dan dikekalkan selama 30 minit selepas pemberian produk.
Cirit -birit	a) Kontaminasi	Amalkan teknik pengendalian yang betul
	b) Bancuhan produk terlalu sejuk	Kembalikan bancuhan produk enteral yang sejuk kepada suhu bilik
	c) Kurang pengambilan serat	Gunakan produk enteral yang mengandungi tinggi serat
	d) Bancuhan produk terlalu pekat	Ikut bancuhan piawaian produk enteral
Sembelit	a) Kurang pengambilan cecair	Tingkatkan pengambilan air
	b) Kurang pengambilan serat	Gunakan produk enteral yang mengandungi tinggi serat
Tiub tersumbat	Bancuhan produk enteral yang tidak sempurna atau ubat yang tidak hancur dan dilarutkan dengan betul	Pastikan air dialirkan untuk mencuci tiub setiap kali selepas pemberian produk enteral dan gunakan ubat dalam bentuk cecair jika boleh.

* Sisa kandungan dalam perut yang disedut keluar setiap kali sebelum pemberian produk enteral melalui tiub



* Kepala pesakit ditinggikan sebanyak 30° - 45° semasa pemberian produk enteral dan dikekalkan selama 30-60 minit selepas pemberian produk.

PROSEDUR PIAWAI PENJAGAAN TIUB PEMAKANAN

- ▶ Semua peralatan perlu dibersihkan dan dikeringkan serta-merta selepas penggunaan. Peralatan yang dimaksudkan adalah:



Cara pencucian:

- 1 Bilas semua peralatan dengan air
- 2 Cuci dengan air suam bersabun
- 3 Bilas dengan air suam sekali lagi sehingga bersih daripada sisa sabun
- 4 Biarkan peralatan kering di atas tuala bersih
- 5 Simpan semua peralatan di dalam bekas berpenutup

NOTA: a) jangan tinggalkan peralatan tanpa dibasuh
b) jangan guna air panas atau cecair kimia untuk mencuci

